

JABATAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN
ANTARABANGSA

TARIKH: 16.06.2022 MASA: 12:55 PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**SESI "TOWN HALL" DIALOG BAJET MBSP 2023 BERSAMA
AHLI MAJLIS**

OLEH

**YANG BERHORMAT TUAN JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL
SINGH**

**AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
MERANGKAP Pengerusi Jawatankuasa Perumahan,
KERAJAAN TEMPATAN DAN PERANCANGAN BANDAR & DESA**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**20 JUN 2022 (ISNIN)
8.30 PAGI**

**THE LIGHT HOTEL
SEBERANG JAYA**

Disediakan oleh Jabatan Perbendaharaan

Ucapan YBhg. Datuk Bandar MBSP 2022

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, telah memberi kita semua kesihatan dan juga kelapangan yang baik pada hari ini untuk berkumpul di dalam Sesi "*Town Hall*" Dialog Bajet MBSP 2023 Bersama Ahli Majlis.

Terlebih dahulu, saya bagi pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh, Ahli-Ahli Majlis MBSP; Tuan Setiausaha Bandaraya; Ketua-Ketua Jabatan, Bahagian dan Unit serta Pegawai-Pegawai MBSP kerana sudi hadir ke Sesi "*Town Hall*" Dialog Bajet MBSP 2023 Bersama Ahli Majlis pada pagi ini.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Pada tahun 2020 dan 2021, dunia telah berhadapan dengan risiko kemerosotan ekonomi berikutan krisis kesihatan iaitu penularan wabak koronavirus atau COVID-19 yang berpanjangan. Pelbagai cabaran dan dugaan yang telah kita tempuhi dalam mendepani pandemik COVID-19 di mana pendekatan baharu dan teknologi terkini perlu digunapakai bagi memastikan perkhidmatan MBSP dapat diberi kepada rakyat Seberang Perai.

Pada tahun 2022, Malaysia telah beralih ke fasa endemik dan pembukaan semula sempadan antarabangsa dan diharapkan peningkatan ketibaan pelancong akan menambah baik aktiviti perdagangan dan perniagaan, seterusnya memacu pemulihan ekonomi Malaysia.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Mentadbir sebuah organisasi Pihak Berkuasa Tempatan adalah sama seperti mentadbir satu badan korporat. Tujuannya adalah untuk

mengurangkan kos pengurusan, meningkatkan hasil melalui daya inovasi dan kreativiti, di samping meningkatkan lagi kecemerlangan perkhidmatan kepada rakyat Seberang Perai.

Oleh itu, cabaran utama dalam pengurusan kewangan MBSP adalah bagaimana menguruskan sumber yang terhad berbanding keperluan dan permintaan rakyat Seberang Perai (*limited resources with unlimited needs and wants*).

Bagi tahun 2022, MBSP terus mengambil pendekatan pengurusan berdasarkan kemampuan dengan mengutamakan projek dan program yang berteraskan keperluan rakyat dan dapat memacu pertumbuhan ekonomi setempat yang lebih mampan dan dinamik. Untuk penyediaan Bajet Tahun 2023, MBSP akan menyediakan bajet berasaskan keutamaan atau *priority based budgeting* untuk menambahbaik perkhidmatan MBSP.

Pada 1 hingga 15 April 2022 yang lalu, MBSP telah mendapatkan input Bajet Tahun 2023 daripada Ahli Majlis dan pada hari ini, kita akan membincangkan input bajet tersebut untuk dimasukkan di dalam perancangan Bajet dan *Corporate Priorities* MBSP bagi tahun 2023.

Di samping input bajet yang diperolehi daripada Ahli Majlis, MBSP juga akan mendapatkan input bajet daripada “*stakeholders*” Seberang Perai. Untuk itu di kesempatan ini, saya ingin mengumumkan bahawa MBSP telah menyediakan Soal Selidik Bajet 2023 secara *online* di laman web MBSP iaitu www.mbsp.gov.my. Soal selidik ini akan dijalankan mulai 20 Jun hingga 3 Julai 2022.

Oleh itu, saya menyeru rakyat Seberang Perai supaya mengambil bahagian dalam memberikan idea, pandangan dan cadangan untuk dilaksanakan pada tahun hadapan. Input-input bajet yang diperolehi daripada “*stakeholders*” akan dianalisa dan dibincangkan oleh pengurusan MBSP untuk penyediaan Bajet 2023.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Sebagai Datuk Bandar MBSP, besarlah harapan saya agar Tuan-Tuan dan Puan-Puan dalam Sesi “*Town Hall*” Dialog Bajet MBSP 2023 ini dapat bersama-sama merangka perancangan dan pelan tindakan bagi melaksanakan input bajet yang akan dibincangkan sebentar lagi.

Saya juga berharap agar peluang ini dimanfaatkan sebaik mungkin dengan memberikan idea-idea dan cadangan-cadangan yang praktikal untuk dilaksanakan supaya Seberang Perai menjadi sebuah kawasan bandaraya yang dinamik, kondusif dan progresif pada masa kini dan terus cemerlang di masa hadapan.

Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh yang akan merasmikan sesi "*town hall*" ini dan semua yang sudi hadir pada hari ini. Dengan itu, saya sudahi dengan ***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***

Sekian, terima kasih.